

# Tubuh Suruhanjaya Data perkukuh tadbir urus

**Kerajaan** akan menubuhkan Suruhanjaya Data bagi memperkukuh tadbir urus dan pengurusan data negara secara menyeluruh, selari dengan keperluan era digital dan cabaran keselamatan siber yang semakin kompleks.

Penubuhan suruhanjaya itu akan disusuli dengan pelaksanaan inisiatif seperti Bank Data Negara sebagai pangkalan data nasional bersepadu bagi memantapkan ekosistem AI.

Berikutan itu, strategi kepercayaan digital dan keselamatan data nasional akan dilancarkan untuk melindungi data peribadi, menangani ancaman siber serta memastikan keselamatan ekosistem dan kedaulatan digital negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menekankan pelaksanaan dasar dan strategi utama seperti Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara, Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR), serta Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia akan diberi keutamaan.

Ia akan memberi fokus kepada pelaksanaan yang berkesan dan memberi manfaat terus kepada rakyat serta industri.

Malah, inisiatif Pengenalan

Identiti Digital Perniagaan dan penggunaan digital twin akan turut menjadi ikhtiar penting dalam meningkatkan daya saing dan inovasi pemain industri.

Beliau berkata, program akan dilaksana bagi memupuk literasi AI seawal peringkat rendah, memperluas harta intelek tempatan, meningkatkan suntikan dana strategik dan menggalakkan kolaborasi rentas sektor.

Ia membabitkan pemain industri, institusi penyelidikan, universiti dan inovator muda negara.

Pendekatan ini akan memastikan ekosistem inovasi negara dapat berkembang secara menyeluruh dan memberi pulangan jangka panjang kepada ekonomi dan rakyat.

## **Perkenal MyDigital ID**

Sementara itu, kerajaan akan memperkenalkan MyDigital ID sebagai satu bentuk pengesahan identiti digital tunggal yang sah, selamat dan dipercayai di bawah inisiatif pendigitalan perkhidmatan awam melalui platform Government Technology (GovTech).

Langkah itu bertujuan memudahkan rakyat mengakses pelba-

gai kemudahan awam secara dalam talian dengan lebih cekap dan pantas.

Di bawah usaha pendigitalan perkhidmatan awam menerusi GovTech, MyDigital ID akan diperkenalkan sebagai kunci pengesahan identiti digital tunggal yang selamat dan sah, bagi memudahkan akses kepada pelbagai kemudahan awam dalam talian.

Pada masa sama, gerbang tunggal sektor awam akan dibangunkan sebagai platform sehati bagi memudahkan urusan rakyat.

Sebelum ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa, berkata seramai 2.8 juta rakyat Malaysia sudah mendaftar dengan MyDigital ID pada suku kedua 2025, meningkat daripada jumlah 1.8 juta pendaftaran yang dicatatkan pada suku pertama lalu.

Katanya, jumlah itu dijangka terus meningkat dengan pengembangan *use-case* (kes penggunaan).

*Use-case* bermaksud aplikasi atau perkhidmatan tertentu, iaitu MyDigital ID digunakan sebagai kaedah pengesahan identiti.

